

Tradisi Keintelektualan Melayu dan Transformasi Pendidikan Agama Awal Abad ke-20

¹Adibah Sulaiman @ Mohamad & ^{2,3}Ezad Azraai Jamsari

¹Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan

²Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam
³Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

Abstrak: Kajian ini meneliti tradisi keintelektualan dalam masyarakat Melayu dan proses transformasi ke atas pendidikan agama yang berlaku pada awal abad ke-20. Objektif kajian ini adalah untuk memapar dan membincangkan anjakan paradigma masyarakat dalam konteks pendidikan agama. Justeru, kajian ini memperlihatkan tradisi keintelektualan yang berlaku dalam masyarakat Melayu yang menjadi asas kepada sistem pendidikan dahulu dan kini. Selain itu, makalah ini memberi fokus kepada proses transformasi pendidikan agama di Tanah Melayu serta peranan tokoh-tokoh Kaum Muda Tanah Melayu seperti Syed Sheikh b. Ahmad al-Hadi, Sheikh Muhammad Tahir b. Jalaluddin dan Haji Abbas b. Taha. Penulisan makalah ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan, melalui metode induktif, deduktif dan analisis untuk mengenal pasti evolusi proses transformasi pendidikan agama di Tanah Melayu. Dapat dilihat kajian ini menunjukkan idea tentang transformasi terhadap pendidikan agama adalah melawan arus sistem pengajian agama yang tradisional yang telah memonopoli norma pendidikan orang Melayu pada waktu itu. Begitupun, transformasi pendidikan agama yang dilihat asing oleh masyarakat Melayu awal abad ke-20 adalah cetusan idea yang penting kepada institusi dan sistem pendidikan agama masa kini.

PENGENALAN

Tradisi keintelektualan di Tanah Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan transformasi pendidikan orang Melayu. Secara tradisi, pendidikan tidak formal dalam kalangan orang Melayu bermula di rumah, surau atau masjid. Daripada tumpuan masyarakat kepada pendidikan madrasah berbentuk tradisional yang berorientasikan ilmu agama semata-mata dan pengajian secara halaqah, mereka diperkenalkan kepada pendidikan madrasah berciri moden dari segi kurikulum dan kaedah pengajian. Transformasi mendedahkan orang Melayu kepada institusi dan sistem pendidikan yang lebih bersistematis serta formal. Transformasi pendidikan agama yang berlaku ini dipengaruhi pembaharuan di Timur Tengah, khususnya di Mesir, yang dilakukan oleh Muhammad 'Abduh terhadap kurikulum pendidikan di al-Azhar. Kemunduran masyarakat Melayu dan persaingan merebut peluang pekerjaan yang lebih menjamin kedudukan merupakan pemangkin transformasi pendidikan agama di Tanah Melayu.

Masyarakat Melayu Awal Abad ke-20: Majalah terbitan reformis Mesir, iaitu *al-'Urwat al-Wuthqa* dan *al-Manar*, mempunyai impak yang besar ke atas idea pembaharuan, khususnya dalam

aspek pendidikan, di Tanah Melayu. Transmisi ahram reformisme dari Mesir ke Tanah Melayu berlaku secara berterusan disebabkan hubungan akrab antara penyokong Kaum Muda dengan Muhammad Rashid Rida (1865-1935), editor majalah *al-Manar* dan penyokong idea pembaharuan 'Abduh. Penyokong Kaum Muda bukan sahaja saling berutus surat dengan Rashid Rida, malah terdapat antara mereka, seperti Syed Sheikh b. Ahmad al-Hadi, yang bertanggungjawab terhadap edaran *al-Manar* di Alam Melayu.¹

Secara umum, idea pembaharuan 'Abduh lebih mempengaruhi Kaum Muda berbanding guru beliau, Jamaluddin al-Afghani, mahupun muridnya, Rashid Rida. Malah Kaum Muda dan 'Abduh dilihat mempunyai pemikiran yang sama tentang kemajuan sains dan kepentingan ekonomi. Mereka berpendapat bahawa pendidikan merupakan cara yang paling berkesan untuk mengubah masyarakat Islam daripada kemunduran dan keterbelakangan kepada kemajuan dan kemodenan. Taraf pengetahuan dan pendidikan yang rendah dalam kalangan masyarakat Islam menjadi halangan utama untuk mereka lebih membangun dan maju dalam kehidupan.² Pendapat tersebut bukan semata-mata dipengaruhi idea pembaharuan 'Abduh tetapi merupakan hasil pemerhatian terhadap keadaan sosio-politik orang Melayu yang kebanyakannya